

Headline **Bajet 2009 mesra OKU**
Date **30. Aug 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **5**
Article Size **127** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **1791.65**



Bajet 2009 mesra OKU

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Bajet 2009 yang diumumkan Perdana Menteri hari ini dilihat dapat meringankan beban golongan kurang bernasib baik di negara ini.

Pakar kajian sosial dan ekonomi yang dihubungi *Utusan Malaysia* menyifatkan bajet 2009 sebagai mesra orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak tidak bernasib baik dan rakyat berpendapatan rendah.

Ketua Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya, Profesor Madya **Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah** berkata, Bajet 2009 merupakan satu belanjawan yang mesra kanak-kanak.

Beliau berkata, bajet kali ini menyaksikan usaha kerajaan untuk bekerjasama dengan sektor swasta bagi membantu kanak-kanak yang tidak bernasib baik.

"Langkah mewujudkan rumah tunas harapan merupakan usaha murni kerajaan supaya semua pihak termasuk sektor swasta menyumbang tenaga untuk melahirkan masyarakat penyayang," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Insentif

Pensyarah pengajian gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, **Profesor Madya Dr. Shanthi Tham-biah** pula berkata, penyediaan insentif kepada OKU merupakan suatu yang sudah lama ditunggu.

"Langkah seterusnya yang perlu diambil kerajaan ialah memastikan OKU mempunyai peluang pekerjaan yang sewajarnya," katanya.

Pengkaji industri perikanan dari Universiti Malaya, **Profesor Dr. Mohammad Raduan Mohd. Ariff** berkata, insentif sara hidup dan tangkapan ikan yang diberikan kepada nelayan amat dibargai.

"Kerajaan pada masa yang sama bagaimanapun perlu mewujudkan rancangan jangka panjang lain supaya nelayan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan.

"Penyelidikan terhadap musim tangkapan perlu dijalankan supaya nelayan tidak ke laut, membazirkan minyak dan pulang tanpa tangkapan pada musim tertentu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia, **Prof. Dr. Azali Mohamed** berkata, bajet 2009 membawa berita baik kepada penduduk berpendapatan rendah, pengguna pengangkutan awam dan warga institusi pengajian tinggi.

"Peruntukan untuk institusi pengajian tinggi semakin meningkat, ia menunjukkan komitmen kerajaan untuk memajukan institusi pengajian tinggi di negara ini," katanya.